

NAMA : _____ KELAS : _____

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT
PUTRAJAYAPEPERIKSAAN PERCUBAAN
SPM 2026
EKONOMI
Kertas 2
Ogos

3767/2

2¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**Arahan:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi halaman bercetak**[Lihat halaman sebelah**

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Jelaskan tanah sebagai sumber ekonomi dalam proses pengeluaran

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi dua buah negara.

Motif pengeluaran yang mengutamakan
keuntungan maksimum

Negara P

Motif pengeluaran yang mengutamakan
kebajikan masyarakat

Negara Q

Jelaskan perbezaan sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara P dan Negara Q.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]




SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam pasaran kopi tempatan.

Pasaran kopi di Malaysia bernilai kira-kira RM2.5 bilion dan berkembang 5–7% setiap tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh budaya kafe dalam kalangan golongan muda dan peningkatan pendapatan boleh guna.

Sumber : bharian.com.my, 5 Jan 2025

Jelaskan kesan situasi tersebut terhadap pasaran kopi tempatan.



[5 markah]

- (d) Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
10%	20%

Jadual 1

- (i) Hitung keanjalan harga permintaan barang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan barang di 1(d)(i).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

2 (a) Jelaskan peranan bank perdagangan berikut:

(i) Perintah Sedia Ada.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(ii) Overdraf.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(b) Gambar 1 berkaitan dengan fungsi wang.

The banner features a white Proton PHEV car on the left. The main headline reads 'PROMOSI HEBAT!' in large, bold, blue and red letters, with 'MILIKI SEKARANG, JIMAT MASA DEPAN!' below it. To the right, the Proton logo and 'PHEV DRIVE THE FUTURE' are shown. The car model 'PROTON e.MAS 7 PHEV' is highlighted in a red box. Below this, the price 'HARGA RM 109,000.00' is displayed in large red numbers, and the monthly payment 'BAYARAN BULANAN RM 1,250' is shown in large blue numbers. At the bottom, five icons represent key features: 'PHEV TEKNOLOGI HIBRID TERKINI', 'JIMAT PENGGUNAAN BAHAN API', 'MESRA ALAM KURANG EMISI, LEBIH HIJAU', 'SELAMAT CIRI KESELAMATAN TERKINI', and 'WARANTI 5 TAHUN / 150,000KM'. A megaphone icon on the right says 'JANGAN LEPASKAN PELUANG KEEMASAN INI!'.

Gambar 1

Terangkan fungsi wang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jadual 2 menunjukkan fungsi pengeluaran sebuah firma.

Mesin (unit)	Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Marginal (unit)
1	0	0	-	-
1	1	10	10	10
1	2	22	11	12
1	3	33	11	11
1	4	42	10.5	9
1	5	47	9.4	5
1	6	49	8.17	2
1	7	49	7	0
1	8	46	5.75	-3

Jadual 2

- (i) Nyatakan jangka masa fungsi pengeluaran firma tersebut. Berikan alasan anda.

.....

[2 markah]

- (ii) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran paling cekap? Jelaskan.

.....

[4 markah]

- (d) Maklumat di bawah berkaitan dengan pasaran kenderaan elektrik (EV).

“Kerajaan Malaysia terus menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) melalui pemberian insentif cukai dan penyediaan lebih banyak stesen pengecasan. Penggunaan EV dijangka meningkat kerana mampu mengurangkan penggunaan bahan api fosil.”

Jelaskan kesan eksternaliti penggunaan kereta tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (a) Gambar 2 berkaitan dengan barang yang dikeluarkan oleh kerajaan.



Gambar 2

Jelaskan jenis barang tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Huraikan dua bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan blok Ekonomi dunia.

ASEAN terus kukuh sebagai blok ekonomi global

KUALA LUMPUR: ASEAN terus muncul sebagai salah satu blok ekonomi paling pesat berkembang di dunia dengan gabungan keluaran dalam negara kasar (KDNK) melebihi USD4 trilion pada tahun lalu, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain penting dalam landskap ekonomi global.

Sumber : diubah suai daripada <http://www.bharian.com.my>

Jelaskan kesan positif blok ekonomi tersebut terhadap negara anggota.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika.

Harga belian (RM)	Harga Jualan (RM)
4.08	4.15

- (i) Jika seorang pengimport dari Amerika Syarikat ingin mendapatkan barang dari Malaysia bernilai USD 8000 seunit. Hitungkan jumlah Ringgit Malaysia yang perlu dibayar oleh pengimport tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Sekiranya kadar pertukaran Ringgit Malaysia berubah kepada 1USD = RM 4.20. Jelaskan kesan terhadap imbalan dagangan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan di bahagian ini.*

- 4 Maklumat di bawah menunjukkan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang telah diterima oleh semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.



- (a) Huraikan tentang jenis pendapatan di atas bagi rakyat Malaysia..

[5 markah]

- (b) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di atas.

[6 markah]

- (c) Bantuan tersebut dapat meningkatkan taraf hidup rakyat.
Setujukah anda dengan pernyataan tersebut ?

[9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan inflasi di Malaysia.

Inflasi Malaysia naik 2.0 peratus pada Mei 2026 - DOSM

BERNAMA



Kuala Lumpur: Inflasi Malaysia meningkat 2.0 peratus pada Mei 2026 dengan mata indeks mengalami kenaikan kepada 137.1 daripada 134.4 berbanding tahun lepas, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Perkara ini berlaku berikutan daripada kenaikan pendapatan penjawat awam dan kenaikan harga bahan api yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada belanjawan negara 2026.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, menyatakan perkara ini perlu diambil perhatian kerana boleh menjejaskan kestabilan ekonomi.

Sumber: Diubah suai daripada My Metro Jun 2026

- (a) Terangkan jenis inflasi yang terlibat dalam petikan di atas. [4 markah]
- (b) Cadangkan langkah yang perlu diambil oleh pengguna di Malaysia untuk mengatasi ketidakstabilan harga ini. [9 markah]
- (c) Jelaskan impak kepada ekonomi negara jika bank pusat menaikkan kadar faedah bagi mengatasi inflasi. [7 markah]



- 6 Pernyataan di bawah berkaitan dengan perdagangan antarabangsa antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Amerika Syarikat Kenakan Tarif Import Baharu

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat mengumumkan pelaksanaan tarif import yang lebih tinggi terhadap beberapa produk dari negara-negara dagang termasuk Malaysia. Langkah tersebut bertujuan melindungi industri tempatan Amerika daripada persaingan luar. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menyatakan bahawa tarif yang dikenakan boleh memberi kesan kepada eksport Malaysia, khususnya sektor elektrik dan elektronik (E&E), sarung tangan getah serta produk berasaskan sawit. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang memperluaskan pasaran eksport ke negara lain bagi mengurangkan kesan tersebut.

Sumber: Berita Ekonomi Malaysia, 2026

- (a) Jelaskan empat faktor yang mempengaruhi perdagangan antarabangsa
[4 markah]
- (b) Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan pengenalan tarif import oleh Amerika Syarikat terhadap pasaran eksport Malaysia.
[7 markah]
- (c) Kerajaan Malaysia sedang berusaha mempelbagaikan pasaran eksport bagi mengurangkan pergantungan kepada satu negara. Huraikan kesan langkah tersebut terhadap pertumbuhan ekonomi negara.
[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Belanjawan 2026

Belanjawan 2026: Peruntukan TVET meningkat kepada RM7.9 bilion, perkasa bakat tempatan

KUALA LUMPUR: Kerajaan terus memperkukuh pembangunan bakat tempatan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan peruntukan yang meningkat kepada RM7.9 bilion pada tahun 2025, naik berbanding RM7.5 bilion tahun sebelumnya.

Antara perbelanjaan yang terlibat adalah Pembayaran gaji tenaga pengajar, jurulatih, pakar industri (termasuk pakar dari luar negara), dan kakitangan pengurusan institusi TVET. Selain itu kerajaan juga menaik taraf fasiliti seperti pengubahsuaian dan baik pulih premis, bengkel, makmal, serta fasiliti khusus seperti hangar kapal terbang atau limbungan kapal latihan.

Sumber : Astro Awani, 2025

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan dalam petikan di atas. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan peruntukan tersebut terhadap ekonomi negara. [7 markah]
- (c) Perbelanjaan tersebut memberi kesan ke atas objektif makroekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

-KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT-

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B

This image shows a single page of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

3767/2 @ 2026 Hak Cipta Panitia Ekonomi Putrajaya

[illegible]

This image shows a full page of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, typical of notebook or legal stationery. There are no margins, text, or other markings on the page.

[illegible]

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a guide for handwriting practice. There are no margins, text, or other markings on the page.